

## **Analisis Perubahan Komposisi Guna Tenaga dalam Industri Perkhidmatan di Malaysia**

*Analysis of Changes in Employment Composition in the Services Industry in Malaysia*

Norkhatijah Murni Othman@Ismail [khatijahmurni@yahoo.com](mailto:khatijahmurni@yahoo.com)

Poo Bee Tin [pbt@ukm.my](mailto:pbt@ukm.my)

Zaimah Darawi [zd@ukm.my](mailto:zd@ukm.my)

Pusat Pengajian Ekonomi

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Ekonomi yang berpaksikan pengetahuan, inovatif, kreatif dan berkemahiran tinggi yang dijana oleh sektor perkhidmatan akan melonjakkan aspirasi negara pendapatan tinggi. Namun begitu, pada masa ini, hanya 28 peratus daripada jumlah tenaga kerja di Malaysia bekerja dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan hanya 23 peratus sahaja daripada jumlah tenaga kerja mempunyai pendidikan tertiar berbanding dengan kadar purata bagi negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Kekurangan tenaga kerja mahir dan berpendidikan tinggi akan lebih meruncing dalam persaingan global yang sengit kerana tenaga kerja yang berkualiti akan tertarik ke negara yang menyediakan peluang paling baik. Bagi menjadi negara maju dalam tempoh satu generasi seperti Republik Korea dan Singapura, penentuan yang jitu dan teliti terhadap sektor keutamaan perlu diberi perhatian di samping memberi fokus kepada usaha membangun, meningkatkan kemahiran dan menghasilkan tenaga kerja yang diperlukan bagi memacu sektor berkenaan. Di Malaysia, sektor perkhidmatan memainkan peranan yang sangat penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Sektor ini terus mengekalkan peratusan pekerjaan tertinggi iaitu bahagian terbesar daripada jumlah guna tenaga. Guna tenaga dalam sektor perkhidmatan didapati mengalami pertumbuhan berterusan dari tahun ke tahun. Pertumbuhan guna tenaga yang berlaku ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang mewujudkan komposisi guna tenaga dalam sektor perkhidmatan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perubahan komposisi guna tenaga dalam industri perkhidmatan. Kajian juga dijalankan bagi melihat sejauhmana pertumbuhan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan dari tahun 2000 hingga 2005. Kajian ini menggunakan analisis input-output bagi melihat perubahan komposisi guna tenaga yang berlaku dalam sektor perkhidmatan di Malaysia. Hasil kajian mendapati perubahan komposisi guna tenaga dalam sektor perkhidmatan di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2005 mencatatkan perubahan yang positif. Permintaan domestik dan penggantian import didapati bernilai positif manakala elemen eksport, perdagangan bersih dan produktiviti buruh bernilai negatif. Seterusnya, hasil kajian mendapati pertumbuhan tahunan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan menunjukkan nilai yang positif mencerminkan peningkatan dalam keperluan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan dari tahun 2000 hingga 2005.

Kata Kunci : Komposisi, Guna Tenaga Dalam Industri Perkhidmatan, Input-Output.

### **ABSTRACT**

*Knowledge-based economy, innovative, creative and highly skilled generated by the services sector will boost the aspirations of high-income countries. However, at present, only 28 percent of the total workforce in Malaysia to work in high-skilled jobs and only 23 percent only of the total labour force with tertiary education compared with the average for Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD). Lack of skilled and educated will be more acute in the intense global competition for a quality workforce will be attracted to countries that provide the best chance. To become a developed nation within a generation as the Republic of Korea and Singapore, accurate and thorough determination of the priority sectors should be considered in addition to focusing on efforts to develop, enhance their skills and produce the necessary manpower to drive the sector. In Malaysia, the services sector plays an important role in contributing to economic development. This sector continues to maintain the highest percentage of employment, the largest portion of total employment. Manpower in the services sector is experiencing continued growth from year to year. Manpower growth that*

*occurs is influenced by many factors that establish the composition of employment in the services sector. Therefore, this study aims to analyze the compositional manpower change in the service industry. The research was conducted to evaluate the extent of manpower growth in the services sector from 2000 to 2005. This study uses input-output analysis to look at the changing composition of employment that occurred in the services sector in Malaysia. Results showed that changes in the composition of employment in the services sector in Malaysia from 2000 to 2005 recorded a positive change. Domestic demand and import substitution were found to be positive, while elements of exports, net trade and labour productivity is negative. Further, the study found that annual growth of manpower in the services sector showed a positive value reflects an increase in manpower needs in the service sector from 2000 to 2005.*

*Key Words: Composition, Labour In Service Industry, Input-Output.*

## **PENGENALAN**

Malaysia memerlukan tolakan besar yang koheren untuk merangsang transformasi dan perubahan supaya dapat menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kebolehmampuan menjelang tahun 2020. Malaysia menghadapi cabaran yang menggentarkan dalam persaingan global yang semakin pesat. Globalisasi mewujudkan persaingan yang sengit untuk mendapatkan bakat dan kemahiran. Keadaan ini menggambarkan manusia merupakan aset yang paling berharga yang perlu diakui oleh firma dan kerajaan.

Di Malaysia, pekerjaan upah tinggi didapati masih kurang dan tidak mencukupi. Keadaan ini ditambah lagi dengan sumbangan pekerja mahir yang masih merosot melibatkan pelbagai industri. Masalah yang berlaku disebabkan majikan tidak membayar untuk kemahiran sebaliknya lebih bergantung kepada pekerja asing yang tidak mahir yang mudah diperolehi dan sumber terkurang harga. Keadaan guna tenaga kini berada pada tahap kritikal di mana berlaku peningkatan yang pantas dalam kadar penghijrahan keluar rakyat Malaysia yang mahir. Bilangan ekspatriat yang bekerja di negara ini semakin berkurangan, pada masa yang sama, sistem pendidikan didapati tidak dapat menghasilkan kemahiran yang dikehendaki oleh firma.

Dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara terus terjamin, pelbagai program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah program pembangunan sumber manusia. Sumbangan sektor perkhidmatan dalam ekonomi negara telah merubah struktur pasaran buruh industri perkhidmatan di mana berlaku perubahan yang drastik ekoran pertumbuhan ekonomi yang berlaku. Pada tahun 2011, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 59.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan meningkat sebanyak 6.4 peratus pada suku keempat tahun 2011. Sektor ini dijangka mencatatkan sumbangan sebanyak 7.2 peratus setahun sehingga 2015 dan berpotensi meningkatkan sumbangan kepada KDNK sebanyak 61 peratus menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK jelas menunjukkan kepentingan sektor perkhidmatan kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti di negara-negara maju yang lain di mana sejumlah besar sumbangan KDNK adalah daripada sektor perkhidmatan. Selaras dengan itu, kerajaan telah mensasarkan sektor perkhidmatan menyumbang kepada KDNK sebanyak 59.7 peratus pada tahun 2020 di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Pada masa ini, pelbagai komitmen yang telah dilakukan oleh negara bagi liberalisasi sektor perkhidmatan melibatkan peringkat pelbagai hala, serantau dan dua hala melalui Perjanjian Rangka Kerja ASEAN bagi perkhidmatan (AFAS), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Di bawah AFAS, jangka masa meliberalisasikan sektor perkhidmatan telah ditetapkan mengikut sektor-sektor keutamaan. Dalam langkah mempercepat proses liberalisasi sektor perkhidmatan, kajian dan pengenalanpastian sektor-sektor perkhidmatan yang mempunyai kapasiti dan keupayaan serta sedia dieksport (export ready) telah dilakukan oleh kerajaan sebagai langkah menggalakkan kemasukan pelaburan dan peningkatan perdagangan dalam sektor perkhidmatan.

Dalam pada itu, pelbagai usaha juga dilakukan bagi menyediakan sumber manusia yang diperlukan dalam kualiti dan kuantiti yang mencukupi untuk menyokong pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan. Sebagai contoh, kerajaan menggalakkan usaha pembangunan kemahiran kritikal yang diperlukan oleh negara seperti dalam bidang sains dan teknologi, dan memperhalusi keperluan dan prosedur imigresen untuk memudahkan pengambilan pakar-pakar asing ke Malaysia bagi tujuan pemindahan pengetahuan, peningkatan standard perkhidmatan yang diberikan dari segi kemahiran serta profesionalisme.

Sektor perkhidmatan terus mengekalkan peratusan pekerjaan tertinggi di mana sektor perkhidmatan membekalkan jumlah guna tenaga yang terbesar jika dibandingkan dengan sektor-sektor

lain dalam negara. Pertumbuhan guna tenaga berlaku secara berterusan dari tahun ke tahun disebabkan oleh pelbagai faktor seperti eksport, import, perdagangan, perbelanjaan kerajaan dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis perubahan komposisi guna tenaga dalam industri perkhidmatan. Kajian juga dijalankan untuk melihat sejauhmana pertumbuhan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan dari tahun 2000 hingga 2005. Kajian ini menggunakan analisis input-output bagi melihat perubahan komposisi guna tenaga yang berlaku dalam sektor perkhidmatan di Malaysia.

## **KAJIAN LEPAS**

Jenkins (2008) dalam kajian beliau mengenai perdagangan, teknologi dan pekerjaan di Afrika Selatan menggunakan kaedah Chenery (1979) untuk menganggarkan kesan langsung perubahan perdagangan pada pekerjaan. Dalam kajian beliau, perubahan komposisi guna tenaga dihuraikan kepada lima komponen iaitu eksport, pengagihan import, permintaan domestik, pertumbuhan produktiviti dan perdagangan bersih. Hasil kajian mendapati teknologi dan perdagangan memberi kesan negatif kepada pekerjaan di Afrika Selatan, namun ianya hanyalah sebahagian penjelasan mengenai kadar pertumbuhan pekerjaan yang rendah di negara tersebut. Pada tahun 1990, kajian mendapati faktor utama yang menyumbang kepada penurunan dalam pekerjaan ialah teknologi manakala perdagangan memberi kesan yang positif kepada pekerjaan. Dalam kes pekerja mahir pula, perubahan teknologi juga cenderung memberi kesan negatif kecuali pada tahun 1980 di mana permintaan terhadap pekerja-pekerja mahir telah meningkat. Namun, pada awal 1990, perdagangan memberi kesan negatif kepada pekerjaan dan faktor teknologi jauh lebih ketara dalam menyumbang kepada penurunan pekerjaan. Seterusnya, satu corak yang berbeza muncul dalam kes pekerja mahir di mana teknologi meningkatkan permintaan sehingga pertengahan tahun 1990 yang mencerminkan bias kemahiran terhadap perubahan teknologi.

Ling Yang & Michael L. Lahr (2010) mengkaji berkaitan pertumbuhan produktiviti buruh dari tahun 1987 hingga 2005. Beliau menggunakan kaedah Structural Decomposition Analysis (SDA) berdasarkan pada Jacob' (2003) bagi melihat sejauh mana faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan produktiviti buruh di China. Antara enam faktor yang dikenalpasti (permintaan dan penawaran) iaitu perubahan dalam pekali nilai ditambah, input buruh, bahagian permintaan sektor-sektor domestik, campuran input, dan bahagian sektor-sektor dalaman dan campuran antara sektor-sektor dengan permintaan akhir. Kajian mendapati akibat saiz dan tahap produktiviti buruh yang rendah, sektor ladang terus memberi kesan yang besar kepada keseluruhan sektor ekonomi di China. Penjimatan buruh telah memberi kesan yang paling besar kepada semua sektor. Seterusnya, perubahan dalam bahagian sektor-sektor dalaman dan campuran antara sektor-sektor dengan permintaan akhir di China juga adalah sangat besar. Corak pertumbuhan cemerlang di China bukanlah akibat daripada pergerakan buruh dari sektor pertanian ke sektor-sektor yang lebih produktif tetapi disebabkan oleh penjimatan buruh merentasi semua sektor ekonomi.

Hussain Ali Bekhet (2009) juga menggunakan kaedah Structural Decomposition Analysis (SDA) dalam kajian mengenai perubahan dalam struktur ekonomi dengan tahap pembangunan yang berbeza dari tahun 1983 hingga 2000. Perubahan struktur ekonomi dihuraikan kepada dua komponen asas iaitu teknologi dan jumlah pengeluaran. Hasil kajian mendapati terdapat persamaan struktur ekonomi dari segi corak pengeluaran melibatkan penggunaan komoditi perantaraan. Hasil kajian juga menunjukkan ekonomi Malaysia telah menurun dari tahun 1983 hingga 2000 mencerminkan perubahan yang telah berlaku dalam ekonomi negara.

Aying Liu (1998) turut menggunakan kaedah komposisi dalam rangka kerja input-output bagi membincangkan faktor perubahan struktur dan pertumbuhan output dalam ekonomi China dari tahun 1987 hingga 1992. Model menggunakan jadual input output yang berbeza iaitu 1987, 1990 dan 1992 sebagai sumber data utama. Kajian memberi tumpuan kepada kesan daripada dasar kerajaan ke atas pertumbuhan output dan perubahan struktur. Analisis perbandingan perubahan struktur menunjukkan struktur ekonomi China banyak berubah. Hasil kajian mendapati keseluruhan pertumbuhan output didorong oleh pelbagai faktor. Sumbangan penggunaan dan pengembangan pelaburan ke atas pertumbuhan output didapati berkurangan manakala sumbangan daripada eksport dan import adalah meningkat.

Frances Ruane & Ali Ugur (2005) menggunakan kaedah komposisi bagi membincangkan produktiviti buruh dan pelaburan langsung asing dalam sektor pembuatan di Irish. Kajian pertumbuhan produktiviti buruh yang dijalankan adalah dalam tempoh 1991 hingga 1999. Untuk melihat kepekaan hasil komposisi yang dijalankan, perubahan dua tempoh iaitu tahun 1991 hingga 1995 dan tahun 1995 hingga 1999 dilakukan secara berasingan. Hasil kajian mendapati keseluruhan produktiviti buruh dalam sektor pembuatan di Irish meningkat 158 peratus antara tahun 1991 dan 1999. Keadaan ini

mencerminkan keseluruhan pertumbuhan produktiviti buruh di Irish. Kejayaan dalam mencapai kadar pertumbuhan output dan pekerjaan yang tinggi diiringi oleh peningkatan yang ketara dalam tahap produktiviti buruh di mana pertumbuhan output melebihi pertumbuhan pekerjaan. Kajian menunjukkan penentu peningkatan dalam pertumbuhan produktiviti adalah keuntungan loji dan kemasukan loji baru dengan purata melebihi produktiviti.

Kaedah komposisi juga telah digunakan oleh Sylvie Demurger, Marc Gurgand, Li Shi & Yu Ximing (2009) dalam kajian mereka mengenai migran (pendatang) merupakan pekerja kelas kedua di bandar China. Pendapatan tahunan pemastautin di bandar China adalah 1.3 lebih tinggi daripada pendapatan jangka panjang migran pedalaman. Perbezaan ini dihuraikan kepada empat faktor iaitu (1) perbezaan alokasi sektor yang membayar upah yang berbeza (kesan sektor), (2) jurang upah mengikut jam merentasi dua populasi dalam sektor-sektor (kesan upah), (3) perbezaan masa kerja dalam sektor-sektor (kesan masa kerja) dan (4) perbezaan struktur populasi (kesan populasi). Hasil kajian mendapati walaupun alokasi sektor sangat berbeza, jumlah migran dalam sektor awam adalah sangat sedikit, begitu juga dengan penduduk pedalaman di mana jumlah yang bekerja sendiri adalah sangat sedikit. Kesan populasi pula secara signifikan lebih penting daripada kesan upah atau kesan masa kerja. Kajian menunjukkan punca utama berlakunya jurang antara dua populasi ialah pra-pasaran (peluang pendidikan) daripada semasa di pasaran.

Bart van Ark, Robert Inklaar & Robert H. McGuckin (2003) menganalisis pertumbuhan produktiviti buruh dalam 51 buah industri di negara-negara Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (US). Kaedah peralihan saham digunakan dan Amerika Syarikat didapati industri yang paling kukuh. Analisis komposisi secara terperinci digunakan bagi mengenalpasti sama ada faktor kelebihan Amerika Syarikat adalah disebabkan pertumbuhan produktiviti yang lebih cepat, tahap produktiviti yang lebih tinggi dalam industri berbanding agregat negara, perbezaan bahagian pekerjaan, atau perubahan yang cepat dalam bahagian pekerjaan akibat perkembangan pesat industri. Kajian mendapati pertumbuhan produktiviti yang lebih cepat di US berbanding EU adalah disebabkan bahagian pekerjaan yang lebih besar dalam sektor pengeluaran ICT dan juga pertumbuhan produktiviti yang lebih cepat dalam industri perkhidmatan yang menggunakan intensif ICT. Kebanyakan ekonomi EU menunjukkan tahap pelaburan yang lebih rendah dalam barangan dan perisian ICT berbanding US.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan ialah menggunakan analisis input-output bagi mengkaji perubahan komposisi guna tenaga dalam industri perkhidmatan di Malaysia. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah berdasarkan Kaedah Chenery (1979) yang telah dikembangkan oleh Rhys Jenkins (2008) iaitu pendekatan yang hanya menganggarkan kesan langsung perubahan perdagangan pada pekerjaan (berikutan kekurangan data). Output boleh dihuraikan kepada permintaan domestik, eksport dan import seperti persamaan berikut :

$$Q_{it} = (D_{it} + X_{it} - M_{it}) \quad (1)$$

di mana,

$D_{it}$  = penyerapan domestik bagi industri/produk  $i$  pada masa  $t$

$Q_{it}$  = pengeluaran domestik bagi industri/produk  $i$  pada masa  $t$

$X_{it}$  = eksport industri/produk  $i$  pada masa  $t$

$M_{it}$  = import industri/produk  $i$  pada masa  $t$

Penentuan kemasukan import (penggantian import) dalam industri  $i$  pada masa  $t$  adalah :

$$m_{it} = M_{it} / D_{it} \quad (2)$$

Kemudian, perubahan dalam pengeluaran dalam industri  $i$  di antara tahun asas (0) dengan tahun semasa (1) dihuraikan seperti :

$$\Delta Q_i = (1 - m_{i0})\Delta D_i + \Delta X_i + (m_{i0} - m_{i1})D_{i1} \quad (3)$$

di mana, persamaan pertama mewakili pertumbuhan permintaan domestik bersih bagi import, persamaan kedua ialah pertumbuhan eksport dan persamaan ketiga pula ialah kemasukan import (penggantian import).

Perubahan pekerjaan adalah hasil daripada perubahan dalam output dan perubahan dalam produktiviti buruh.  $L_{it}$  ialah pekerjaan dalam industri/produk  $i$  pada masa  $t$  ditunjukkan seperti berikut :

$$1_{it} = L_{it}/Q_{it} \quad (4)$$

$$\Delta L_i = 1_{it} \Delta Q_i + (\Delta 1_i) Q_{i0} \quad (5)$$

Penggantian persamaan (3) ke dalam persamaan (5) menghasilkan persamaan berikut :

$$\Delta L_i = 1_{i1} (1 - m_{i0}) \Delta D_i + 1_{i1} \Delta X_i + 1_{i1} (m_{i0} - m_{i1}) D_{i1} + (\Delta 1_i) Q_{i0} \quad (6)$$

di mana, persamaan pertama mengukur kesan perubahan permintaan domestik ke atas pekerjaan, persamaan kedua ialah perubahan dalam eksport, persamaan ketiga ialah perubahan dalam kemasukan import dan persamaan terakhir ialah perubahan dalam produktiviti (Rhys Jenkins, 2008)

## DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian tertumpu kepada dua aspek iaitu aspek pertama mengenai pertumbuhan tahunan guna tenaga sektor perkhidmatan dari tahun 2000 hingga 2005, dan aspek kedua pula berkenaan perubahan komposisi guna tenaga sektor perkhidmatan di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2005.

### Pertumbuhan Tahunan Guna Tenaga Sektor Perkhidmatan

Pertumbuhan tahunan guna tenaga secara keseluruhannya menunjukkan nilai yang positif dari tahun 2000 hingga 2005. Pertumbuhan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan juga menunjukkan nilai yang positif diikuti dengan pertumbuhan tahunan guna tenaga dalam sektor-sektor lain yang juga mencatatkan pertumbuhan yang positif dari tahun 2000 hingga 2005. Keadaan ini menunjukkan keperluan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan dan keseluruhan ekonomi negara semakin diperlukan dari tahun 2000 hingga 2005.

Jadual 1 menunjukkan pertumbuhan tahunan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan di Malaysia antara tahun 2000 hingga 2005. Berdasarkan jadual berkenaan, peratusan pertumbuhan tahunan dalam sektor perkhidmatan adalah sangat memberangsangkan di mana pertumbuhan tahunan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan ialah sebanyak 31.97 peratus iaitu pertumbuhan yang jauh lebih tinggi berbanding sektor-sektor lain yang hanya mencatatkan pertumbuhan tahunan guna tenaga sebanyak 7.41 peratus. Jumlah pertumbuhan tahunan guna tenaga ekonomi pula ialah sebanyak 39.38 peratus dari tahun 2000 hingga 2005.

Pertumbuhan tahunan guna tenaga yang mencatatkan pertumbuhan yang negatif terdiri daripada sub-sektor perkhidmatan seperti perdagangan borong & runcit dan kenderaan bermotor, serta hartanah & pemilikan persendirian. Sektor-sektor lain seperti pertanian, perhutanan dan perikanan, dan pembuatan juga didapati mengalami pertumbuhan yang negatif dari tahun 2000 hingga 2005.

JADUAL 1 : Pertumbuhan Tahunan Guna Tenaga Antara Tahun 2000 Hingga 2005

Sektor	Pertumbuhan Tahunan Guna tenaga (%)
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	-0.90
Perlombongan & Kuari	4.51
Pembuatan	-1.47
Elektrik, Gas & Air	2.33
Pembinaan	2.94
Perdagangan Borong & Runcit dan Kenderaan Bermotor	-1.37
Tempat Penginapan & Restoran	2.33
Pengangkutan	2.09
Komunikasi	7.72
Kewangan & Insurans	1.57
Hartanah & Pemilikan Persendirian	-2.73
Pendidikan	3.00
Kesihatan	5.80

Pentadbiran, Pertahanan & Ketenteraman Awam	1.54
Pentadbiran Awam Lain	3.56
Perkhidmatan Perniagaan Persendirian	8.46
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	<b>31.97</b>
<b>SEKTOR-SEKTOR LAIN</b>	<b>7.41</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>39.38</b>

(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia)

Jadual 2 pula menunjukkan purata pertumbuhan tahunan guna tenaga bagi sektor perkhidmatan dan sektor-sektor lain dari tahun 2000 hingga 2005. Berdasarkan jadual 2, purata pertumbuhan guna tenaga bagi sektor perkhidmatan ialah sebanyak 2.91 peratus. Purata pertumbuhan tahunan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan adalah lebih tinggi berbanding purata pertumbuhan tahunan guna tenaga sektor-sektor lain yang hanya mencatat sebanyak 1.48 peratus dari tahun 2000 hingga 2005. Secara keseluruhannya, purata pertumbuhan tahunan guna tenaga dari tahun 2000 hingga 2005 ialah sebanyak 2.46 peratus yang menggambarkan purata pertumbuhan tahunan guna tenaga yang positif.

JADUAL 2 : Purata Pertumbuhan Tahunan Guna Tenaga Antara Tahun 2000 Hingga 2005

Sektor	Purata Pertumbuhan Tahunan Guna tenaga (%)
Sektor Perkhidmatan	2.91
Sektor-Sektor Lain	1.48
<b>JUMLAH</b>	<b>2.46</b>

### Perubahan Komposisi Guna Tenaga Sektor Perkhidmatan

Perubahan komposisi guna tenaga dalam sektor perkhidmatan menunjukkan nilai yang positif. Peningkatan yang positif ini menggambarkan bahawa guna tenaga dalam sektor perkhidmatan semakin diperlukan dari tahun 2000 hingga 2005. Peningkatan guna tenaga yang berlaku ini adalah disebabkan oleh pelaburan modal manusia yang dilakukan oleh setiap guna tenaga. Peningkatan yang berlaku juga adalah disebabkan oleh peningkatan dalam keperluan guna tenaga oleh majikan dalam sektor perkhidmatan di samping kemajuan ekonomi yang berlaku dari tahun ke tahun.

Jadual 3 menunjukkan perubahan komposisi guna tenaga dalam sektor perkhidmatan bagi tahun 2000 hingga 2005. Hasil menunjukkan perubahan komposisi guna tenaga dalam sektor perkhidmatan adalah positif iaitu sebanyak 424,861 orang. Permintaan domestik mencatatkan perubahan yang positif iaitu sebanyak 401,703 orang. Ini diikuti dengan penggantian import yang turut mencatatkan nilai yang positif iaitu 1,225,270 orang. Namun begitu, elemen eksport menunjukkan perubahan yang negatif iaitu sebanyak 1,987,545 orang. Keadaan ini menggambarkan permintaan perkhidmatan negara di pasaran antarabangsa semakin berkurangan dari tahun 2000 hingga 2005. Hal ini berlaku disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 2000 berikutan krisis ekonomi yang melanda sekitar awal tahun 1999.

Ekoran daripada elemen eksport yang mengalami penurunan manakala penggantian import yang didapati bernilai positif, perdagangan bersih mencatatkan nilai yang negatif iaitu sebanyak 762,275 orang dari tahun 2000 hingga 2005. Hal ini demikian kerana penurunan dalam elemen eksport adalah lebih besar daripada peningkatan dalam penggantian import.

Seterusnya, perubahan produktiviti buruh didapati mengalami penurunan dari tahun 2000 hingga 2005. Hasil menunjukkan penurunan produktiviti adalah sebanyak 1,003,358 orang. Keadaan ini disebabkan keadaan ekonomi dalam tempoh berkenaan yang masih dalam proses pemulihan setelah pulih daripada kemerosotan pengeluaran yang ketara pada tahun 1998 dan awal tahun 1999.

JADUAL 3 : Perubahan Komposisi Guna Tenaga Dalam Sektor Perkhidmatan Antara Tahun 2000 Hingga 2005

Bil.	Perkara	Bil. Perubahan (Orang)
1	Permintaan Domestik	401,703
2	Eksport	-1,987,545
3	Penggantian Import	1,225,270
4	Perubahan Produktiviti	-1,003,358
5	Perdagangan Bersih	-762,275
	<b>JUMLAH</b>	<b>424,861</b>

## RUMUSAN

Kemajuan tidak dapat dicapai oleh mana-mana negara tanpa memiliki guna tenaga yang berkualiti dan berkemahiran tinggi yang mampu bertindak balas dengan cekap dan kreatif terhadap perubahan ekonomi yang berlaku. Hal ini demikian kerana guna tenaga yang berkualiti dan berkemahiran tinggi serta pertumbuhan guna tenaga yang berterusan merupakan asas penting kepada ekonomi Malaysia bagi mencapai aspirasi negara dalam mentransformasikan ekonomi daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi. Perubahan komposisi guna tenaga yang positif merentasi semua sektor ekonomi termasuk sektor perkhidmatan mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara kerana perubahan komposisi guna tenaga yang positif merupakan pemangkin dalam mencapai matlamat Wawasan 2020.

Secara ringkasnya, kajian ini dijalankan bagi melihat perubahan komposisi guna tenaga dalam sektor perkhidmatan di Malaysia dengan menggunakan kerangka input-output bagi tahun 2000 dan 2005. Kerangka input-output bagi tahun 2000 dan 2005 telah diselaraskan menjadi 16 sub-sektor untuk memudahkan proses analisis bagi menghasilkan keputusan yang tepat dan jitu. Hasil kajian berkenaan perubahan komposisi guna tenaga secara keseluruhannya dalam sektor perkhidmatan adalah bernilai positif. Perubahan komposisi guna tenaga yang berlaku ini adalah pada tahap yang memberangsangkan. Elemen permintaan domestik dan penggantian import didapati bernilai positif. Namun begitu, elemen eksport, perdagangan bersih dan produktiviti buruh didapati bernilai negatif menunjukkan berlakunya penurunan dalam eksport, perdagangan bersih dan produktiviti buruh dari tahun 2000 hingga 2005.

Seterusnya, hasil kajian turut menunjukkan peratusan pertumbuhan tahunan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan di Malaysia mengalami pertumbuhan yang positif dari tahun 2000 hingga 2005 mencerminkan keperluan kepada guna tenaga dalam sektor perkhidmatan yang semakin penting dan diperlukan dalam ekonomi negara. Pertumbuhan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan didapati lebih memberangsangkan jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain dalam ekonomi negara Malaysia.

Kesimpulannya, perubahan komposisi guna tenaga dan pertumbuhan guna tenaga sektor perkhidmatan adalah positif menunjukkan ekonomi Malaysia sedang bertumbuh dengan baik. Namun begitu, pelbagai langkah dan usaha perlu dijalankan oleh negara bagi meningkatkan ekonomi pada tahap yang lebih tinggi dalam usaha mencapai matlamat untuk melahirkan guna tenaga yang berkualiti dan berkemahiran tinggi setanding dengan guna tenaga di negara-negara maju yang lain.

## RUJUKAN

- Aying Liu. 1998. *Sources of Structural Change and Output Growth of China's Economy : 1987-92*. Economics of Planning 31: 95-116.
- Bart van Ark, Robert Inklaar & Robert H. McGuckin. 2003. *ICT and Productivity in Europe and the United States Where Do the Differences Come From?* CESifo Economic Studies, Vol. 49, 3/2003, 295-318.
- Frances Ruane dan Ali Ugur. 2005. *Labour Productivity and Foreign Direct Investment in Irish Manufacturing Industry : A Decomposition Analysis*. The Economic and Social Review, Vol. 36, No. 1, pp. 19-43.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2007. *Perangkaan Ekonomi Malaysia-Siri Masa*. Putrajaya : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. *Data Siri Masa Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Industri, Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jadual Input-Output, Malaysia. 2000 dan 2005. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia Standard Industrial Classification. 2000. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). 2009. *Pelan Induk Perindustrian Ketiga, 2006-2020*. Kuala Lumpur. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
- Ling Yang & Michael L. Lahr. 2010. *Sources of Chinese labor productivity growth : A structural decomposition analysis, 1987-2005*. China Economic Review 21 : 557-570.
- Malaysia. 2010. Majlis Penasihat Ekonomi Negara. *Model Ekonomi Baru Untuk Malaysia*.
- Malaysia. 2011. *Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Misyadi bin Mampusi. 2012. *Pelaburan Modal Manusia Dan Perubahan Komposisi Guna Tenaga Dalam Sektor Pembuatan Di Malaysia*. Tesis Sarjana Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Yusof Saari & Zakariah Abdul Rashid. 2006. *Analisis dan Aplikasi Input-Output*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Poo Bee Tin, Zakariah Abdul Rashid, Zaleha Mohd. Noor & Law Siong Hook. 2011. Sources of Labour Growth in Malaysian Manufacturing Sector. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VI 2011, hlm. 102-114.
- Rhys Jenkins. 2008. *Trade, Technology and Employment in South Africa*. Journal of Development Studies. Vol. 44, No. 1 : 60-79.